


Buletin ACIS

eISSN: 2600-8289

Syawal / Zulkaedah 1441 — Jun 2020

BIL: 23 / 2020



Konsep Kafa'ah Dalam Perkahwinan

PUISI:

Lima Hari
Syawal

Sukan dan
Jalinan
Silaturrahim

Aku
Maafkan
Kau

Era
Tulip

PUISI:

Silaturranhim
Melalui Sukan

Antara
Isu Berkaitan
Riba

Buletin ACIS

SIDANG REDAKSI

Penaung:

Prof Dr Yamin Yasin

(Rektor)

Penasihat:

Hisam Satari

(Ketua Pusat Pengajian Acis)

Editor:

Mu'allim Bin Mohd Bakri

Sidang Pengarang:

Siti Saufirah Binti Mohd Tahir

Nurmaisarah Othman

Nadiah Hj. Mohd Zin

Aishah Mahat

Siti Nur Husna Binti Abd Rahman

Shahril Anuar Abdul Ghafim

Nurul Nisha Mohd Shah

Mu'allim Bin Mohd Bakri

PENERBIT

UiTM Cawangan Negeri Sembilan

Kampus Seremban

Persiaran Seremban Tiga/1,

70300 Seremban 3,

Negeri Sembilan, Malaysia

Jika berminat untuk
menghantar sebarang artikel
atau komen, boleh email ke
bulletin.acis.n9@gmail.com
muallim@uitm.edu.my

Pengantar Redaksi

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera kepada pembaca budiman sekalian. Alhamdulillah, Buletin ACIS siri keduapuluh lapan atau siri keduapuluh tiga yang mempunyai e-ISSN ini berjaya diterbitkan. Tajuk Fokus bulan ini adalah "*Konsep Kafa'ah Dalam Perkahwinan*". Selain itu, terdapat banyak lagi hasil penulisan yang menarik di dalam keluaran kali ini. Semoga, buletin ACIS ini dapat memberi manfaat kepada para pembaca dan warga UiTM semua.

Selamat membaca.

Isi Kandungan

- ⇒ Konsep Kafa'ah Dalam Perkahwinan (3)
- ⇒ Puisi: Lima Hari Syawal (7)
- ⇒ Era Tulip (8)
- ⇒ Aku Maafkan Kau (14)
- ⇒ Sukan Dan Jalinan Silaturrahim (17)
- ⇒ Antara Isu Berkaitan Riba (19)
- ⇒ Puisi: Silaturrahim Melalui Sukan (20)

HAKCIPTA TERPELIHARA

Terbitan Buletin ACIS ini diterbitkan
sebulan sekali

Konsep Kafa'ah Dalam Perkahwinan

Oleh : Siti Nur Husna Binti Abd Rahman
(Pensyarah ACIS UiTM Kampus Kuala Pilah)



Perkahwinan merupakan salah satu sunnatullah yang umum berlaku pada setiap makhluk Allah sama ada manusia, haiwan maupun tumbuh-tumbuhan. Firman Allah SWT dalam Surah al-Zariat (51) ayat 49 yang bermaksud: "Dan segala sesuatu Kami jadikan berpasang-pasangan, agar kamu sekalian berfikir".

Tafsiran daripada ayat ini menunjukkan bahawa, Allah SWT menciptakan segala sesuatu secara berpasang-pasangan seperti matahari dan bulan, bahagia dan sengsara, lelaki dan perempuan. Perkahwinan juga penyatuan antara seorang lelaki dengan seorang perempuan di atas satu ikatan yang suci.

Pemilihan pasangan adalah sangat penting kerana ia merupakan permulaan kehidupan berkeluarga. Kebahagiaan rumah tangga, anak-anak yang cerdik serta kelangsungan kehidupan sebagai seorang suami dan isteri adalah bergantung kepada pemilihan pasangan masing-masing. Sebuah akad perkahwinan mempunyai kesan yang sangat besar. Hal ini, dengan akad tersebut, bermulalah tanggungjawab bagi setiap pasangan terhadap pasangan masing-masing. Pemilihan pasangan yang sesuai dan serasi amatlah penting dan perlu dititikberatkan. Dengan cara ini, mereka akan berasa yakin dengan


sifat dan kelayakan pasangannya untuk mencapai matlamat sesebuah perkahwinan yang dibina serta tenang dalam melayari bahtera. Institusi keluarga juga menjadi salah satu faktor dalam menguatkan pembinaan masyarakat yang harmoni. Hal demikian, pembentukan keluarga memainkan peranan penting dalam Islam. Konklusinya, Islam amat menggalakkan sekufu kerana Islam melihat lebih jauh lagi peranan sebuah keluarga yang dibina.

Kafa'ah merupakan aspek yang penting dalam membina sebuah keluarga bahagia. Konsep kafa'ah perlu diambil berat bagi setiap pasangan bagi mengelakkan perkara yang tidak diingini berlaku kemudian hari. Selain itu, setiap individu mestilah mempunyai pengetahuan tentang kafa'ah sebagai panduan supaya pasangan yang dipilih

memilih pasangan yang beragama dan baik akhlaknya. Kesannya, keluarga yang dibina di atas landasan agama mampu melahirkan anak-anak yang soleh dan baik akhlaknya sesuai dengan ajaran Islam. Allah SWT telah berfirman Surah al-Hujurat (44) ayat 13 yang bermaksud: "Hai manusia, sesungguhnya Kami ciptakan kamu daripada seorang lelaki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling mengenal. Sesungguhnya orang yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertakwa di antara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mengenal".

Ayat tersebut membuktikan bahawa penilaian Allah SWT adalah pada tahap ketakwaan seseorang bukanlah pada keturunan yang mulia dan bukan juga pada bangsa yang disegani. Ia tidak membawa makna sekiranya seseorang itu berketurunan raja atau dari golongan yang terhormat, tetapi miskin dari sudut pengetahuan agama. Para ulama berselisih pendapat berkenaan isu kafa'ah. Hal ini kerana, mereka berhati-hati dalam meletakkan garis panduan mengenai prinsip-prinsip pembinaan keluarga dalam Islam. Selain itu, mereka juga berusaha dalam memastikan rumah tangga yang dibina kekal dan harmoni. Justeru, mereka berselisih dalam menetapkan aspek-aspek yang perlu dititik beratkan. Majoriti ulama memeringkatkan aspek agama kerana agama adalah tunjang kepada kehidupan seseorang. Apabila agama diutamakan, pasti agama dapat memandu gaya hidup seseorang.

Di samping itu, aspek-aspek kafa'ah



dapat membantu memperbaiki kelemahan diri dan berganding bahu dalam membina rumah tangga sakinhah. Persamaan yang wujud antara setiap pasangan adalah peluang untuk saling memahami antara pasangan. Justeru, Islam menganjurkan supaya individu yang ingin berkahwin memilih pasangan yang sekufu untuk saling melengkapi antara satu sama lain. Oleh itu, Islam menganjurkan kepada umatnya supaya

lain yang diambil kira dalam Islam ialah dari segi keturunan, kekayaan dan kecantikan. Aspek ini merupakan nilai tambah yang dapat menambahkan kemanisan hidup berumahtangga. Sebagai contoh, jika seorang wanita yang dibesarkan dalam keluarga yang berada dan dengan didikan agama yang sempurna telah dipinang oleh seorang lelaki yang baik agamanya tetapi dibesarkan dalam keluarga yang sederhana, lelaki ini haruslah berusaha untuk menyamatarafkan kehidupannya dengan isterinya. Hal ini kerana, isterinya telah dibiasakan hidup dalam keadaan yang senang. Perkara ini dibimbangi akan menyeksa kebiasaan isteri. Walaupun begitu, isteri yang baik perlulah bersabar dan membantu suami dalam memperbaiki ekonomi keluarga. Antara perkara sunat yang dianjurkan dalam Islam sebelum bertunang ialah seorang lelaki dibenarkan melihat perempuan yang hendak dipinangnya bagi mengelakkan adanya aib atau kecacatan yang bakal menjelaskan

perkahwinan. Hal ini bertujuan bagi menjaga kesmaslahatan pasangan yang bakal mendirikan rumahtangga. Aib dan kecacatan sedikit sebanyak boleh mendatangkan mudarat kepada pasangan kerana ia boleh menyebabkan suami atau isteri gagal memenuhi tanggungjawab dalam berumahtangga. Namun, sekiranya pihak wanita dan walinya meredai dan menggugurkan hak kafa'ah terhadap lelaki yang mempunyai aib, maka perkahwinan tersebut boleh diteruskan.

Jelaslah di sini bahawa kafa'ah sangat penting dalam sebuah perkahwinan. Maka, dalam hal ini terdapat beberapa keburukan sekiranya kafa'ah diabaikan. Sebagai contoh, tidak wujud keserasian antara pasangan dan menyebabkan rumahtangga yang dibina berada dalam keadaan tidak stabil. Selain itu, matlamat perkahwinan tidak dapat dicapai kerana matlamat perkahwinan adalah untuk mencari keredaan Allah dan untuk berkasih sayang antara satu

dengan lain. Isu kafa'ah bukan sahaja berhenti disini malah ia boleh dibahaskan lagi mengikut peredaran zaman dan kesesuaian pada zaman sekarang. Kefahaman dan pelaksanaan kafa'ah perlulah sesuai mengikut perubahan zaman serta mengambil berat kesan pelaksanaan dan pengabaikan kafa'ah terhadap perkahwinan dalam Islam.



Kesimpulan

Konklusinya, kafa'ah dalam agama merupakan satu-satunya syarat dalam sesebuah perkahwinan. Adapun syarat-syarat lain hanyalah untuk melengkap dan menyempurnakan lagi kafa'ah bagi sesebuah perkahwinan. Setiap individu bebas untuk memilih sesiapa sahaja sebagai calon pasangan mereka yang dianggap sebanding dan setaraf dengannya. Hal ini adalah untuk mewujudkan kestabilan dan keharmonian sesebuah istana cinta yang bakal dibina serta mengelakkan dari berlakunya perceraian. Walaupun begitu, sekiranya bakal pengantin perempuan rela untuk bernikah dengan seorang lelaki tanpa mempertimbangkan aspek-aspek kafa'ah, pernikahannya tetap sah. (Mahmud al-Masri, 2013 : 340)

Oleh itu, setiap perempuan mestilah memilih bakal suami yang berakhhlak mulia dan kuat agamanya meskipun dia miskin. Bahkan, jika seorang wanita itu memiliki harta yang banyak, hendaklah dia memilih bakal suami berdasarkan kepada agamanya. Dengan itu, wanita tersebut dapat membantu suaminya berdakwah di jalan Allah SWT dengan hartanya. Pastinya, wanita tadi akan memperoleh balasan dan pahala yang berlimpah dari Allah. Justeru itu, setiap orang mestilah memilih pasangan masing-masing berdasarkan kepada kesesuaian dan wujudnya kesefahaman dalam beberapa aspek yang telah dijelaskan.

Hakikatnya, kafa'ah bukanlah syarat sah sebuah akad perkahwinan. Walaupun begitu, ia sebagai pelengkap dan penyempurna sesebuah akad perkahwinan agar kebahagiaan rumahtangga dapat dicapai. Ulama terdahulu telah menggariskan beberapa ciri-ciri kafa'ah. Ciri-ciri tersebut boleh dijadikan panduan dalam memilih pasangan hidup. Pengamalan ciri-ciri kafa'ah dapat menghasilkan kesan yang baik serta pengabaian aspek kafa'ah akan mengundang kemudaratan dalam kehidupan berumahtangga. Pelbagai masalah akan timbul apabila masyarakat mengambil ringan konsep kafa'ah terutamanya aspek agama yang sangat digalakkan dalam Islam.

Oleh yang demikian, pasangan yang ingin mendirikan rumahtangga seharusnya tidak mengikut kata hati dan perasaan semata-mata, bahkan perlu memahami konsep kafa'ah yang telah digariskan oleh ulama-ulama terdahulu. Berdasarkan kepada hasil kajian yang diperolehi, pengkaji berharap kajian ini dapat memberi satu pencerahan baru tentang kesan kafa'ah terhadap perkahwinan dalam Islam kepada masyarakat seterusnya dapat memberi manfaat kepada masyarakat secara umumnya. Sesungguhnya, kafa'ah adalah suatu perkara yang dituntut dalam syariat dan ia dapat dijadikan sebagai satu garis panduan sebelum mendirikan rumahtangga.

Rujukan

- 'Abdul Fattah Ahmad Abu Kilitah. 2008. al-Fahsu at-Tibbi qabla al-Zawaj wa Ahkam al-Fiqhiyyah al-Muta'alliqah bihi. Iskandariah : Dar Fikri al-Jami'i.
- Abu 'Abdullah Muhammad Ismail. 2002. Sahih Bukhari. T.T.P : Dar Thuqiq an-Najah.
- Abu al-Fadhil Ahmad Ali. 1989. Talkhis al-Habir. T.T.P : Dar Kutub Ilmiah.
- Ahmad Husin. 1994. Sunan Baihaqi Kubra. Mekah : Maktabah Dar al-Baz.
- Ahmad Husin. T.T. Sunan Sughra. T.T.P : P.T.
- Ali 'Umar Abu Hasan al-Darulqutni. 1966. Sunan Darulqutni. Beirut : Dar Ma'krifah.
- As-Sayyid Sabiq. 1983. Fiqh al-Sunnah. T.T.P : Dar al-Kitab al-'Arabi Fikri.
- Jamil Fakhri Muhammad Janim. 2008. Muqawwamat „Aqd al-Zawaj fi al-Fiqh wa al-Qanun. Jordan : Dar al-Hamid.
- Muhammad Ismail Ibrahim. T.T. min Shariah Islam wa Sunnathi al-Zawaj. T.T.P : Dar al-Kitab al-'Arabi Fikri.
- Muhammad Qadri Basha. 2006. al-Ahkam al-Syar'iyyah fi al-Ahwal al-Shahsiyyah. Iskandariah : Dar al-Salam.
- Shamsuddin Abi 'Abdullah Muhammad. 2002. Sharah Zarkashi. Beirut : Dar Kutub Ilmiah.
- Sulaiman al-Asy'af Abu Daud. T.T. Sunan Abu Daud. T.T.P : Dar Fikri.
- Yusof Shukri Farhat. 2009. Mukjam Tullab. Beirut : Dar al-Kutub al-Ilmiyah.
- Abdul Aziz. 1992. Kursus dan Bimbingan Perkahwinan serta 20 Soal Jawab dari Jabatan Agama. Kuala Lumpur : Darul Nu'man.
- Abu Malik Kamal. 2008. Ensiklopedia Keluarga Muslim. Bogor : Pustaka Ibnu Katsir.
- Agus Salim. 1980. Risalah Nikah. Pekalongan : Raja Murah.
- Basri Ibrahim. 1997. Pemantapan Sistem Kekeluargaan. Kuala Lumpur : Darul Nu'man.
- Engku Ahmad Zaki Engku Alwi & Rohaizan Baru. 2008. Mutiara Perkahwinan. Kuala Terengganu : Percetakan Yayasan Islam Sdn. Bhd.
- Ibnu Hajar al-'Asqalani. 2008. Fathul Baari. Indonesia : Pustaka Azzam.
- Ismail Kamus & Mohd Azril Azlen Ab Hamid. 2013. Indahnya Hidup Bersyariat. Kuala Lumpur : Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Mohamad Som Sujimon & Abdul Basir Mohamad. 2006. Nikah Kekeluargaan. Selangor : Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Mu'ammal Hamidy. 1980. Perkawinan dan Persoalannya, Bagaimana Pemecahannya Dalam Islam. Surabaya : PT Bina Ilmu.
- Mukhtar Abdullah. 2015. Suami Isteri : Hak dan Obligasi dari Sudut Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia. Terengganu : Skybiz Resources.
- Mustafa al-Khin, Mustafa al-Bugha & Ali al-Syarbaji. 2009. al-Fiqh al-Manhaji Mazhab al-Syafi'i. Selangor : Darul Syakir Enterprise.
- Nadimah Tandjung. 1939. Islam dan Perkawinan. Jakarta : Bulan Bintang.
- Rohani M. 'Atiyyah al-Abrasyi. 1995. Memilih Jodoh dan Berumahtangga Nikah, Poligami, Cerai, Menurut Nabi SAW. Kuala Lumpur : al-Hidayah Publisher.
- Shafiqyyurrahman al-Mubarakfuri. 2011. Shahih Tafsir Ibnu Tafsir. Jakarta : Pustaka Ibnu Kathir.
- Syeikh Mahmud al-Masri. 2013. Membina Istana Bahagia. Selangor : al-Hidayah Publication.
- Wahab az-Zuhaili. 2011. Fiqih Islam. Jakarta : Gema Insani.
- Yazid Haji Maarof & Mohamad Kamil Ab Majid. 2015. Pembelajaran Islam Amali : Panduan Fiqh Munakahat. Selangor : Hazrah Enterprise.
- Huzailah Sudirman (2009). Konsep Kafa'ah Dalam Perkahwinan : Pemahaman Dan Pengamalannya Oleh Masyarakat Di Kota Tinggi. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.

Lima Hari Syawal Puisi

Oleh : Aishah Mahat

(Pensyarah FSKM UiTM Kampus Pasir Gudang)

Takbir raya terakhir di pagi Syawal
Seluruh ahli keluarga berkumpul
Suasana ceria dan gembira serta bertukar juadah
Bergambar kenangan sebuah keluarga
Bersalam-salaman memohon kemaafan

Menikmati kuih raya ditemani jiran tetangga
Saudara mara dekat datang melawat
Bertanya khabar suasana hari raya
Setelah sekian lama tidak berjumpa

Lima hari Syawal berlalu
Mendapat panggilan kecemasan
Ibu saudara telah dijemput Ilahi
Pada petang jumaat yang tenang

Sanak saudara, jiran tetangga dan sahabat
Datang berziarah kembali
Sebagai tanda penghormatan terakhir
Pilu hati tidak terhingga
Hingga menusuk kalbu
Meratapi sebuah kehilangan
Dengan sekelip mata
Semoga roh arwah dicucuri rahmat.

Era Tulip

Oleh : Normaisarah Othman
(Pensyarah ACIS UiTM Kampus Seremban)

Jika Bunga Raya dikenali sebagai bunga kebangsaan negara Malaysia, bunga tulip pula merupakan bunga kebangsaan negara Turki. Turki sebuah negara yang menyimpan pelbagai khazanah berharga dari aspek tradisi, warisan, agama, kesenian dan pembinaan. Semasa pemerintahan yang panjang dalam empayar Uthmaniyyah, terdapat satu era yang dikenali sebagai era Tulip iaitu dari tahun 1718 -1730 yang diperintah oleh Sultan Ahmed III. Tulip era merujuk kepada suatu tempoh dimana masyarakat ketika itu terpesona dengan bunga dan minat mereka yang mendalam di taman-taman bunga tulip. Walau bagaimanapun, ia bukan sahaja satu tempoh yang menyaksikan citarasa estetik tinggi semakin meningkat, tetapi ia merupakan satu tempoh aman yang pendek yang dinikmati oleh orang Turki kerana sebelum itu mereka berdepan dengan peperangan yang sengit.



Secara umumnya pemerintahan kerajaan Uthmaniyyah boleh dibahagikan kepada beberapa peringkat seperti berikut:

- I. Peringkat awal penubuhan (1299 – 1453) ; Rise
- II. Perkembangan dan pengukuhan (1453 – 1682) : Growth
- III. Perkembangan mendatar, kebangkitan nasionalisme dan cabaran pihak barat (1683 – 1827); Stagnation and Reform
- IV. Kemerosotan dan kejatuhan (1828 – 1908); Decline
- V. Pembubaran pemerintah (1908 – 1924); Defeat and dissolution

Era tulip atau dalam bahasa Turki "Lale Devri" ini berada di peringkat perkembangan mendatar (stagnation & reform stage) dalam pemerintahan Kerajaan Uthmaniyyah. Ini juga merupakan satu tempoh aman selama 12 tahun kerana sebelum itu kerajaan Uthmaniyyah telah kalah dalam perang. Akibat dari kekalahan tersebut kerajaan Uthmaniyyah mengalami kerugian yang besar kerana telah mengeluarkan amunisi yang banyak untuk berperang. Selepas perjanjian Passtowitz, pasukan ketenteraan Uthmaniyyah telah hilang samangat moral kerana ketika itu barulah mereka sedar bahawa Eropah sudah mendahului kecanggihan peralatan perang.

Rentetan daripada itu, telah berlaku pendedahan dan pembukaan terhadap dunia kesenian. Dalam tempoh ini masyarakat Turki telah terpesona dengan bunga-bunga lebih-lebih lagi bunga Tulip. Pelbagai jenis lukisan dan syair dikeluarkan semasa era Tulip in muncul. Terdapat beberapa aspek penting dalam era Tulip ini selain dari kemasyuruan keseniannya iaitu, (1) polisi yang diperkenalkan oleh Damad Ibrahim Pasha (Perdana Menteri) (2) menghantar rombongan ke kota-kota maju di Eropah, (3) kewujudan mesin percetakan pertama dalam empayar Uthmaniyyah.

Figura yang paling berpengaruh selepas Sultan Ahmed III ialah Damad Ibrahim Pasha yang merupakan vizier. Mengikut sumber sejarah tarikh kelahirannya tidak dapat dipastikan tetapi beliau telah meninggal dunia pada 1730M. Damad Ibrahim Pasha telah berkahwin

dengan anak perempuan sultan Ahmed III iaitu Ayse sultan. Setelah itu beliau telah dilantik menjadi Grand Vizier (perdana menteri). Beliau mengambil kesempatan ini untuk mengubah kampungnya yang bernama Muskara menjadi sebuah Bandar yang digelar Nevsehir.

Grand Vizier (perdana menteri) iaitu Damad Ibrahim Pasha telah menjalankan perancangan operasi kewangan bagi memulihkan kedudukan kewangan negara. Bagi mencapai sasaran tersebut,



beliau telah mengurangkan bilangan birokrat dan tentera elit (Janisarry). Setelah itu, beliau telah mengurangkan suku daripada jumlah gaji pegawai-pengawal. Ketiga, beliau juga telah memungut hasil cukai peperangan walaupun ketika itu tiada siri peperangan yang dijalankan. Cukai ini hanya dikutip apabila mahu menjalankan aktiviti peperangan tapi oleh kerana beliau mahu mengembalikan kestabilan kewangan negara maka kutipan cukai diperkenalkan dan dilaksanakan.

Damad Ibrahim Pasha ialah orang yang bertanggungjawab mengarahkan agar dihantar rombongan-rombongan ke serata Eropah. Beliau juga telah mengarahkan mereka memberi laporan pada setiap polisi dan sistem ketamadunan negara yang dilawati seperti mana yang telah dilakukan oleh Mehmet Celebi yang melawat negara Perancis. Ini adalah kali pertama menteri kerajaan Uthmaniyyah membuat perhubungan dengan duta Eropah di Istanbul. Kerajaan Uthmaniyyah tidak dapat mengabaikan budaya dan politik yang sudah berkembang dalam negara-negara Eropah kerana mereka semakin kuat hari demi hari.

Rombongan-rombongan telah dihantar ke pelbagai tempat di Eropah untuk tujuan pendidikan dan untuk membuat pemerhatian ketamadunan masyarakat Eropah. Mehmet Celebi merupakan antara yang dihantar oleh kerajaan Uthmaniyyah ketika itu menyatakan semasa pemerhatian dilakukan di Perancis, beliau melihat kecanggihan sains dan teknologi yang digunakan dalam ketenteraan sangat efektif dan moden. Beliau juga sempat

membuat beberapa laporan dan menyatakan pendapatnya untuk tidak lagi menggunakan senjata-senjata tradisional dalam sistem ketenteraan, malahan hendaklah menggunakan metode dan teknologi dan ciptaan dari negara luar. Selain itu, Mehmet Celebi telah menulis sebuah buku kecil ketika lawatannya ke Perancis dan beliau mencatatkan segala apa yang dilihat di sana seperti penubuhan ketenteraan yang sistematik, teknik-teknik baru, alat seni teknikal yang baru, hospital-hospital, taman, teater, pusat pemerhatian dan tempat bersosial bagi wanita yang mempunyai kelas atasan. Beliau meluahkan perasaannya di dalam bukunya bahawa beliau seolah-olah berada di dunia baru.

Seterusnya Ibrahim Muteferrika adalah seorang figura yang menjadi orang tengah antara budaya orang Turki dan bangsa Eropah. Beliau berasal dari negara Hungary dan ditangkap semasa peperangan pada tahun 1692 dan telah dijual di Istanbul. Beliau kemudian memeluk Islam untuk membebaskan diri dari segala ancaman. Sumber sejarah tidak dapat memastikan bila beliau sudah mula berkhidmat dengan kerajaan Uthmaniyyah tetapi ramai pengkaji percaya beliau dan Damad Ibrahim Pasha mempunyai hubungan yang baik. Minatnya terhadap segala ilmu baru sains di Eropah akhirnya membawa beliau berada dalam dunianya sendiri iaitu memperkenalkan teknologi dan sains kepada kerajaan Uthmaniyyah. Bagi mencapai kebangkitan kebudayaan ini beliau telah membaca pelbagai jenis buku dari falsafah sehingga ke bidang astronomi. Kemudian hasil kerjanya dicetak dengan mesin cetak di rumahnya. Beliau telah berjaya memperkenalkan mesin cetak


bahasa Turki kepada kerajaan Uthmaniyyah dan memberitahu kepada Damad Isbrahim Pasha kelebihan memiliki mesin cetak ini.

Disamping itu, sekolah kejuruteraan telah ditubuhkan semasa era Tulip. Perdagangan antarabangsa meningkat, dan puisi serta lain-lain dalam bentuk kesusasteraan memasuki era keemasan. Penyair seperti Nabi dan Nedim, pelukis seperti Levni, komposer seperti Ebubekir Aga dan Tanburi Mustafa Çavuş dan ahli sejarah seperti Naima telah dilatih dalam tempoh ini. Disebabkan pengaruh era tulip sangat besar maka masyarakat mula membaca, menjana idea-idea baru dan menjadi tertanya-tanya tentang keadaan Eropah kerana mereka mula sedar negara-negara Eropah telah mula mendahului dalam pelbagai bidang.

Tidak lengkap era Tulip ini jika tidak dibincangkan mengenai kesenian lukisan, kesusasteraan disebalik bunga Tulip itu sendiri. Semasa era Tulip ini juga, Sultan memiliki sebuah dewan khusus untuk memelihara bunga-bunga Tulip. Dewan tersebut dikawal oleh seorang pengawai bunga istana dan antara tugasnya ialah memberi penilaian pada kualiti kepelbagaian jenis bunga Tulip serta memberikan nama yang sesuai dengan jenis bunga Tulip tersebut. Antaranya ialah 'Those that burn the heart', 'Rose of colored Glass', 'Big Scarlet', 'Light of mind' dan 'increaser of Joy'. Bunga-bunga tersebut jika tidak mencapai piawaian yang ditetapkan tidak akan dimasukkan ke dalam dewan tersebut. Setiap helai kelopak, struktur dan warna memainkan peranan yang penting bagi pemilihan

nama-nama tersebut.

Abdulcelil Levni merupakan pelukis atau disebut juga sebagai artis istana. Beliau bertanggungjawab ke atas lukisan-lukisan yang berada di dalam istana. Beliau lahir di Edirne dan meninggal dunia di Istanbul pada 1732. Selain itu, Abdulcelil Levni telah dilantik menjadi pelukis lukisan semasa era pemerintahan sultan Mustafa II dan peranannya menjadi lebih penting semasa era tulip di bawah pemerintahan sultan Ahmed III. Hasil karya-karya beliau masih elok dipelihara dan berada di istana Tokapi sehingga hari ini.



Selain itu, era tulip ini turut menyaksikan galakkan senibina ukiran yang memfokuskan kepada keindahan bunga tulip. ‘Sultan Ahmed III fountain’ atau Air pancut sultan Ahmed III mempunyai rekaan bunga Tulip disekeliling senibina tersebut. Selain itu, batu marmar berwarna biru dan merah serta ukiran kaligrafi arab yang cantik menjadikan senibina tersebut lebih berinovasi. Senibina air pancut tersebut terletak di depan pintu besar utama istana Tokapi. Ianya juga merupakan tempat bersosial dan pertemuan semasa era pemerintahan kerajaan Uthmaniyyah



Air pancut Sultan Ahmed III di luar istana Tokapi. Sumber gambar: Google

KESIMPULAN

Tempoh aman yang wujud seketika di Turki telah meninggal kesan yang besar di dalam dunia kesenian, kesusasteraan dan senibina di sana. Rombongan dihantar ke negara Eropah untuk melihat pembangunan yang pesat membangun bertujuan untuk membawa pulang untuk digunakan di Turki. Lawatan tersebut menjadikan masyarakat Uthmaniyyah berasa ingin tahu dengan keadaan orang Eropah. Era Tulip ini berakhir apabila Sultan Ahmed III dan Ibrahim Pasha digulingkan. Rusuhan oleh Patrona Halil yang merupakan beks tentera elit dan pengikutnya pada 28 Sepember 1730 telah mengubah sepenuhnya pemerintahan Sultan Ahmed III. Antara sebab berlakunya rusuhan ini adalah akibat dari tindakan Damad Ibrahim Pasha yang menekan hidup masyarakat Turki dengan cukai yang tinggi dan beliau juga cuba mengancam pihak yang tidak sehausen dengannya. Akhirnya, Sultan Ahmed III menyatakan kekesalanya kerana membiarkan menterinya berkuasa selepas sehari digulingkan.

Di suatu sudut yang lain, tidak dinafikan kemasukan pengaruh eropah memberi kesan kepada perkembangan kemodenan di Turki. Perkara ini menjadi perdebatan yang hangat antara para pengkaji sejarah yang berselisih pendapat mengenai permulaan kemodenan dan westernization di Turki. Namun demikian yang banyak mendapat faedah dari pembukaan dan perkembangan kesenian adalah golongan atasan dan bangsawan

kerana dapat meningkatkan kualiti kemewahan mereka. Golongan ini masih meneruskan budaya dan gaya hidup era Tulip setelah Sultan Mehmet III jatuh. Walaupun tempoh era tulip pendek namun kesan dan pengaruhnya memberikan impak yang besar dan membuka jalan-jalan modernisasi dalam kerajaan Uthmaniyyah.

RUJUKAN

- ⇒ Al-Sirjani, Raghib, 2013. *The Simplified Encyclopedia of Islamic History*. Cairo: Iqraa Foundation.
- ⇒ Bernard Lewis, 1992. *The World of Islam*. London: Thames and Hudson Ltd.
- ⇒ Bernard Lewis, 1968. *Istanbul and the Civilization of the Ottoman Empire*. USA: University of Oklahoma Press.
- ⇒ The Encyclopedia of Britannica. 2010. USA: Benton Foundation
- ⇒ John Murray, 1966. *The Struggle for the Ottoman Empire*. Great Britain: The Camelot Press
- ⇒ Marshal G. S. Hudson, 1974. *The Venture of Islam Conscience and history in a World Civilization*. Vol. 3. Chicag : The University of Chicago Press.
- ⇒ Mehmet Maksudoglu, 1999. *Osmanli History 1289-1922 Based on Osmanli Sources*. Gombak: International Islamic University of Malaysia.
- ⇒ Moris Farhi, 2010. *Istanbul a Cultural History*. London: Signal Books Ltd.
- ⇒ Salih Gulen, 2010. *The Ottoman Sultans Moghty guests of the Throne*. New York: Blue Dome Press.
- ⇒ Selim Karahasanoglu, 2009 “A Tulip Age Legend: Consumer Behavior and Material Culture in the Ottoman Empire (1718 – 1730). USA: Binghamton University State University of New York.
- ⇒ Tulay Artan, 2006. *The Cambridge History of Turkey: The Later Ottoman Empire 1603 – 1839*. United Kingdom: Cambridge University Press.
- ⇒ V.J. Parry, H. Inalcik, a.N Kurat and J.S. Bromley, 1976. *A History of the Ottoman Empire to 1730*. London: Cambridge University Press.
- ⇒ **Artikel**
- ⇒ Cemal Bayak. Some Significant Aspects of the Lale Devri (Tulip Era): 1718-1730. Cyprus: Eastern Mediteranean Universty Hakan Koni. “Politics of Religion and Secularism in the Ottoman empire; 14th to 20th century: A Study”. *International Journal of Research in Social Sciences*. Vol. 2, No. 1. (2013). Pp. 11- 20.
- ⇒ Halil Inalcik. “ Osmanlo Arastirmalari”, *Journal of Ottoman Studies XXIV*. Istanbul.
- ⇒ Hakan Koni, 2013. Politics of Religion and secularism in the Ottoman Empire: 14th to 20th Century. *International Journal of Research in Social Sciences*. Vol. 2, No. 1. www.ijsk.org/ijrss
- ⇒ **Laman sesawang**
- ⇒ Prof. Dr. Ekrem Bugra Ekinci, 2015. “A Unique Period in Turkish History: The Tulip Era.” <http://www.ekrembugraekinci.com/makale.asp?id=581#>
- ⇒ Cihan Tugal. 2008 “The Greening of Istanbul”. <http://newleftreview.org/II/51/cihan-tugal-the-greening-of-istanbul>

Aku Maafkan Kau

Oleh : Nadiah Hj Mohd Zin
(Pensyarah ACIS UiTM Kampus Kuala Pilah)

Sifat Mahmudah atau sifat positif yang terdapat dalam diri seseorang manusia itu adalah sifat pemaaf. Ungkapan ‘memaafkan’ dan ‘dimaaafkan’ adalah ungkapan yang paling susah yang mampu dilaksanakan oleh sebahagian daripada kita.

Sifat memaafkan ini merupakan sifat lawan bagi sifat mazmumah atau sifat negatif iaitu sifat pedendam. Sebagai hamba Allah SWT, haruslah diketahui, sifat pemaaf ini merupakan salah satu manifestasi unggul yang lahir dari ciri-ciri keimanan serta ketakwaan kepada pencipta-Nya.

Dalam al-Quran, tidak ada ayat-ayat yang jelas serta khusus yang menganjurkan kepada manusia untuk saling bermaafan di antara mereka. Hal ini kerana permohonan keampunan dan kemaafan itu hanyalah hak Allah SWT semata-mata. Tetapi, di dalam al-Quran ada memerintahkan kepada kita untuk memberikan kemaafan kepada orang lain.

Mungkin akan timbul persoalan di sini, di mana tidak ada satu ayat pun yang mengajak manusia supaya meminta maaf sesama mereka, sedangkan terdapat ayat yang memrintahkan manusia memberikan kemaafan??

Dalam firman Allah SWT dalam surah asy- Syura ayat 37 yang bermaksud: “Dan juga (lebih baik dan lebih kekal bagi) orang-orang yang menjauhi dosa-dosa besar serta perbuatan-perbuatan yang keji; dan apabila mereka marah (disebabkan perbuatan yang tidak patut terhadap mereka),

mereka memaafkannya”

Selain itu, dalam surah Ali- Imran ayat 134, Allah SWT berfirman, yang beraksud: “laitu orang-orang yang mendermakan hartanya pada masa senang dan susah, dan orang-orang yang menahan kemarahannya, dan orang-orang yang memaafkan kesalahan orang. Dan (ingatlah), Allah mengasihi orang-orang yang berbuat perkara-perkara yang baik;”

Ada kalanya, apabila kita menyedari seseorang melakukan kesalahan kepada kita. Hati kita mula dibisik oleh hasutan syaitan sehingga tidak mampu untuk kita mengawalnya. Maka mula terkeluar kata-kata yang kesat atau tidak enak didengar. Mungkin pada saat itu, hati kita mulai timbul untuk memaafkan, tetapi atas rasa egois yang tinggi dan sifat besar diri yang mengeasai menyebabkan hasrat untuk memaafkan dimatikan begitu sahaja. Antaranya seperti jawatan, pangkat, kasta, darjah dan apa sahaja seangkatan dengannya yang menyebabkan timbulnya rasa enggan memaafkan.



Hati kenapa sukar memaafkan?

Paling sukar untuk kita memaafkan kesilapan orang lain, apabila ia melibatkan maruah serta harga diri dan harta benda. Selain itu, kesilapan yang dilakukan itu adalah kesilapan yang disengajakan dan amat menyakitkan hati. Ini kerana hati kita sentiasa didorong oleh rasa serta hawa nafsu dalam setiap perilaku kita. Andaikanlah perasaan yang dialami oleh kita, seandainya harta benda kita dicuri atau dirompak atau maruah serta kehormatan keluarga kita dicarik-carik. Sudah pastilah perasaan marah, bengang, benci mula meluap-luap di dalam diri, ditambah lagi dengan desakan hawa nafsu supaya bertindak balas atas perlakuan yang dilakukan kepada kita. Disebabkan perasaan begini, timbulah kes bunuh dan juga kes pukul sehingga mendatangkan kemudharatan ke atas diri kita sendiri atas pendirian kita yang memegang konsep ‘balas balik’.



Sifat marah yang tersedia ada dalam diri kita akan sentiasa bekerja keras untuk membuang jelmaan sifat pemaaf. Sifat marah dan pemaaf ini akan saling berlawan

antaranya bagi menguasai diri kita. Iblis serta syaitan akan memainkan peranan mereka dalam menghasut serta menyalakan api-api kemarahan, sehingga lah manusia bertukar sifat fitrahnya iaitu sifat insaniah kepada sifat yang bercirikan binatang atau dalam konteks artikel ini zalim.

Keinginan nafsu dan emosi kita mudah terpengaruh untuk melakukan tindakan-tindakan yang tidak selari dengan fitrah manusia. Lebih-lebih lagi kemampuan iblis dan syaitan dalam menghasut hati kita berjaya, maka disinilah peranan iman dan takwa mengambil alih bagi memupuk sifat pemaaf dalam diri.

Iman dan takwa merupakan teras yang membentuk sifat pemaaf dalam diri kita. Tanpa iman dan takwa, kita sukar membentuk diri kita kearah sifat-sifat mulia seperti mana yang telah digalakkan oleh Allah SWT. Firman Allah SWT dalam surah Asy-Syuura ayat 43 yang bermaksud: “Dalam pada itu (ingatlah), orang yang bersabar dan memaafkan (kesalahan orang terhadapnya), sesungguhnya yang demikian itu adalah dari perkara-perkara yang dikehendaki diambil berat (melakukannya).”

Memaafkan? Macam Mana?

Setelah seseorang melakukan kesalahan terhadap kita, kita berhak sama ada memberinya maaf ataupun membiarkannya terus dengan dosa-dosanya itu. Tapi siapalah kita nak dibandingkan dengan dosa kita yang tak terkira dengan pencipta kita. Sedangkan Allah SWT memaafkan hamba-hambanya apabila kita dengan berusaha serta bersungguh-sungguh untuk berubah diri disertakan dengan solat tubat.

Amalan memberi maaf ini, mestilah disertai dengan ketulusan hati dan juga berlapang dada, di mana tidak ada langsung tertinggalnya sisa-sisa dendam atau keinginan untuk bertindak balas. Berusahalah dengan sepenuhnya, untuk mengikis perasaan ego dan amarah dalam hati agar hati kita menjadi suci dan bersih sehingga mengjudkan sahsiah insaniah yang sebenar dalam diri. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud; “Ketahuilah dalam diri manusia ada seketul daging, apabila ia elok maka akan eloklah seluruh anggota tubuh badannya dan apabilaia telah rosak maka akan rosaklah seluruh tubuh badannya, ketahuilah ia adalah hati”.

Selain itu, Allah SWT juga berfirman di dalam surah an-Nur ayat 22 yang bermaksud; “Dan janganlah orang-orang yang berharta serta lapang hidupnya dari kalangan kamu, bersumpah tidak mahu lagi memberi bantuan kepada kaum kerabat dan orang-orang miskin serta orang-orang yang berhijrah pada jalan Allah; dan (sebaliknya) hendaklah mereka memaafkan serta melupakan kesalahan orang-orang itu; tidakkah kamu suka supaya Allah mengampunkan dosa kamu? Dan (ingatlah) Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihi.”

Haruslah diketahui, seandainya kita berupaya menahan kemarahan kita bererti kita telah pun memiliki dalam diri kita sifat-sifat kekuatan, keberanian, keikhlasan dan kemuliaan yang sebenar. Sebaliknya, jika kita masih tidak mampu menahan marah kita tergolong dalam golongan yang lemah.

“Padan muka engkau, umpat
aku lagi, tipu aku lagi, sakitkan
hati aku lagi, sekarang
tanggunglah dosa-dosa engkau
sampai kiamat.”

-Hati-

Sifat Pemaaf Hendaklah Disemai

Antara cara-cara untuk menyemai sifat pemaaf ialah ;

- 1) Menghampirkan diri kepada Allah SWT antaranya seperti bermunajat, solat-solat sunat terutamanya soalt tasbih dan solat taubat, berzikir dan lain-lain lagi.
- 2) Mengurangkan aktiviti-aktiviti yang melalaikan.
- 3) Tarbiah secara berterusan.
- 4) Berfikir dan bermuhasabah diri.
- 5) Memaafkan orang lain sebelum tidur.

Selain itu, titipan pesanan nabi saw dalam mengawal kemarahan kita antaranya ialah :

- 1) Duduk jika sedang berdiri, berbaring jika sedang duduk
- 2) Mengambil wudhu
- 3) Mengelak daripada Membuat Sebarang Keputusan Besar
- 4) Diam Diri

Bayangkanlah, jika semua antara kita bersifat pemaaf, alangkah bahagia dan amannya dunia ini. Sifat pemaaf ini memberi impak serta manfaat yang sangat luar biasa kepada diri sendiri terutamanya rohani kita.

Orang yang pemaaf hatinya sentiasa tenang, mudah di ajak berunding dan sentiasa berfikiran terbuka serta positif. Orang yang pemaaf ini tidak mempunyai perasaan dendam dan benci dalam hatinya. Orang yang pemaaf juga sangat disenangi oleh orang lain.

Wallahu a'lam.

Rujukan :

1. AL-KAFI #877: NASIHAT DAN TIPS UNTUK MENGAWAL KEMARAHAN <https://muftiwp.gov.my/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/2731-al-kafi-877-nasihat-dan-tips-untuk-mengawal-kemarahan>
2. ALLAH akan meninggikan darjat mereka yang maafkan orang lain <https://www.sinarharian.com.my/article/67146/LIFESTYLE/Sinar-Islam/ALLAH-akan-meninggikan-darjat-mereka-yang-maafkan-orang-lain>
3. CONTOHI SIKAP PEMAAF RASULULLAH SAW <https://www.hmetro.com.my/addin/2018/07/354859/contoh-sikap-pemaaf-rasulullah>
4. 40 Nasihat terbaik penyubur iman, Datuk Abu Hassan Din Al-Hafiz

Sukan Dan Jalinan Silaturrahim

Oleh : Shahril Anuar Abdul Ghalim & Nurul Nisha Mohd Shah
(Pensyarah Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media
UiTMKampus Rembau)



Sering kita dengar tentang aktiviti kesukaran yang dilaksanakan di semua peringkat dan seolah ianya sesuatu kemestian yang harus ada. Acara atau aktiviti fizikal senantiasa dianjurkan baik pada peringkat awal seperti di sekolah rendah ataupun menengah, mahupun di peringkat pendidikan tinggi sehingga berlangsung di sektor awam mahupun sektor swasta. Sukan sentiasa mendapat tempat dalam kalender aktiviti tahunan dan penganjurannya sentiasa berterusan serta dinanti-nantikan. Dari dahulu sehingga kini, aktiviti sukan kian giat bercambah dengan pengenalan sukan baharu ataupun penambahbaikan format pengadilan serta cara ia dipertandingkan. Semuanya mengalami perubahan dari masa ke semasa. Dan jika kita perhalusi fungsi dan manfaat sukan juga boleh dihujahkan mengikut skop kepentingan. Ianya bukan sahaja beramatamatkan kesihatan dan mencapai kemenangan bahkan sesuatu yang jauh lebih besar iaitu pembentukan jalinan silaturrahim.

Allah berfirman dalam surah Al-Hujurat ayat 10, yang bermaksud; "Sebenarnya orang yang beriman itu adalah bersaudara..."

Jika kita kupas peranan sukan dalam konteks silaturrahim adalah lebih luas. Bagi negara yang mempunyai kaum yang berbilang budaya, sukan dapat menjadi satu platform untuk menyatukan pendapat ataupun berfungsi sebagai alat integrasi sosial masyarakat. Penyokong atau peminat sesuatu acara sukan yang dipertandingkan akan berkumpul dalam satu kawasan yang sama, pada waktu yang sama. Mereka akan disatukan melalui perbualan atau komunikasi positif seperti perkongsian tentang maklumat sukan dan sebagainya. Tambahan juga perhubungan yang terjalin membolehkan interaksi tanpa ada batas umur, jantina, bangsa mahupun agama. Jalinan komunikasi berteraskan semangat kesukaran ini akan membentuk suatu keadaan yang menyokong kepada wujudnya keharmonian dalam negara. Komunikasi yang berlangsung membolehkan

penyatuan pendapat terbina dalam konteks yang sihat.

Bagaimana pula peranan sukan dalam sesuatu organisasi? Kebanyakan organisasi yang wujud menjadikan acara sukan sebagai acara tahunan sebagai wadah membina semangat kerja berpasukan dan jalinan kekitaan dalam organisasi. Keterlibatan staf atau kakitangan organisasi secara menyeluruh bakal memberi impak positif kepada organisasi. Sukan membuka ruang dan peluang kepada staf untuk mewakili jabatan atau unit masing-masing tanpa mengira kedudukan serta jawatan dalam organisasi. Mereka akan bersama-sama mengetengahkan bakat sukan yang ada dalam menelusuri acara yang telah ditetapkan.

Apabila seseorang individu itu mewakili sesuatu acara sukan peringkat organisasi maka peranannya adalah sama kerana ianya berteraskan kemahiran, kebolehan dan kecenderungan bagi mencapai kemenangan pasukan sebagai pemain. Persefahaman bakal wujud berlandaskan peranan yang dimainkan ketika acara sukan berlangsung. Tak kira acara individu ataupun berkumpulan, mereka akan bersama merancang strategi dan membentuk persefahaman untuk mencipta kemenangan. Sokongan penonton daripada kalangan warga kerja juga menjadi kannya suatu proses jalinan kerjasama berpasukan yang mantap. Demi mencapai kemenangan dalam suatu acara, mereka akan melupakan sejenak segala perbezaan yang sering timbul dalam organisasi dan mencari titik persamaan yang wujud demi sebuah kejayaan. Inilah detik permulaan yang baik dalam menyemai silaturrahim antara kakitangan.

Apa yang penting adalah semangat berpasukan dalam acara yang diwakili. Ini merupakan proses yang berkesan dalam membentuk persefahaman di luar konteks pekerjaan atau jawatan. Saling interaksi dan keterlibatan berpandukan bakat dalam acara

sukan ini dapat memupuk semangat kerja berpasukan dan sekaligus mampu diterjemahkan apabila acara sukan berakhir iaitu staf yang terlibat masih mempunyai hubungan di luar bidang kerja yang baik. Pengalaman dan usaha gigih sepanjang acara sukan berlangsung masih berperanan dan membolehkan suasana harmoni wujud dalam organisasi. Usaha ini membolehkan tahap indek kepuasan di kalangan staf meningkat dan memungkinkan organisasi mencapai matlamat dalam pengurusan sumber manusia. Jalinan silaturrahim yang terjalin ketika acara sukan berlangsung mampu membawa anjakan kerjasama yang erat dalam kalangan staf dalam pengukuhan organisasi. Oleh sebab itu, acara ini dilakukan saban tahun demi untuk mencapai kejayaan organisasi dalam membentuk pasukan kerja yang mantap.

Oleh itu, sudah tentu dalam setiap pertandingan sukan yang dianjurkan pada peringkat organisasi bukanlah sesuatu yang harus dipandang ringan. Objektif utamanya bukanlah untuk mencipta kemenangan dalam sesuatu acara yang dipertandingkan semata-mata tetapi semangat berpasukan dan jalinan silaturrahim adalah menjadi keutamaan. Bersamalah kita mengambil bahagian dalam setiap aktiviti yang dianjurkan oleh organisasi kerana segala kejayaan yang tercipta dalam sesbuah pasukan adalah bermula dengan komunikasi yang terjalin dan silaturrahim yang erat.

Firman Allah dalam Surah an-nisa' ayat 36 yang bermaksud: "*Dan hendaklah kamu beribadah kepada Allah, dan janganlah kamu mempersekuatu-Nya dengan suatu apa jua; dan hendaklah kamu berbuat baik kepada kedua-dua ibu bapa dan kaum kerabat, dan anak-anak yatim, dan orang miskin, dan jiran tetangga yang dekat, dan jiran tetangga yang jauh, dan rakan sejawatan, dan orang musafir yang terlantar, dan juga hamba sahaya yang kamu miliki. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang yang sombong takbur dan membanggakan diri.*" (An-Nisa: 36)

Antara Isu Berkaitan Riba

Oleh : Mu'allim Bin Mohd Bakri

(Pensyarah Kanan ACIS UiTM Kampus Seremban)

Perbezaan di antara orang yang memakan dan yang memberi makan Riba'

Orang yang memakan riba' adalah orang yang menerima hutang dengan perjanjian di mana hutang tersebut di bayar dengan kadar yang lebih. Selain itu, orang yang membeli padi dengan padi tetapi menukarnya dengan kadar yang tidak sama nilainya juga adalah di antara contoh orang yang memakan riba'.

Manakala orang yang memberi makan riba' pula adalah orang yang memberi hutang tersebut dengan syarat membayar lebih. Atau orang yang menjual padi dengan padi yang mana nilai padinya tidak sama banyak dari segi sukatan.

Sesungguhnya golongan-golongan inilah yang merupakan orang yang termasuk dalam laksat Allah.

Orang yang menjadi saksi bagi pemakan dan pemberi makan Riba'.

Saksi bagi orang yang bagi makan riba' dan pemberi makan riba' adalah seseorang yang dilantik oleh salah seorang daripada mereka sebagai saksi perbuatan mereka ini. Contohnya, seperti berkata seorang yang memakan riba' kepada seseorang yang bernama Khuzairi, "Ya Khuzairi, engkau lah menjadi saksi antara kami berdua ini. Iaitu, ia telah berhutang pada aku dengan bayaran yang lebih daripada pokoknya.

Lantaran itu, inilah saksi yang sama akan mendapat dosa seperti mereka yang memakan dan memberi makan riba'.

Namun begitu, sekiranya berkata seseorang yang berhutang dan yang memberi hutang "Mari Khuzairi, engkau menjadi saksi antara kami, dia berhutang denganku sebanyak RM10". Kemudian dia diam dan tidak menjelaskan mengenai pembayaran lebih di dalam akad tersebut kerana mereka merahsiakan dari saksi, maka tiada berdosa saksi ini.

Orang yang menjadi juru tulis di antara pemakan dan pemberi makan Riba'

Orang yang menjadi juru tulis di antara pemakan dan pemberi makan Riba' adalah orang yang menulis di dalam satu surat atau buku mengenai hutang piutang yang berlaku antara keduanya dengan cara riba'. Contohnya, seperti kata yang memberi hutang kepada William juru tulis "Ya William, engkau tuliskan bahawa Si anu telah berhutang kepadaku RM10, maka apabila ia membayarnya hendaklah RM12. Apabila juru tulis menulis seperti mana yang dinyatakan, maka jadilah ia sebagai juru tulis Riba'. Maka, jadilah ia sebagai seorang yang bernama penolong orang yang membuat Riba'. Lantaran itu, dapatlah ia dosa sama seperti mereka.

Namun begitu, sekiranya di suruh oleh orang yang berhutang dan yang memberi hutang menulis hutang piutang dengan tidak manulis Riba'nya tapi perjanjian antara keduanya tetap dibayar lebih dan si juru tulis tidak tahu akan perjanjian itu, maka ia tidak mendapat dosa seperti mereka.

Silaturrahim Melalui Puisi Sukan

Oleh : Shahril Anuar Abdul Ghafim & Nurul Nisha Mohd Shah
(Pensyarah Fakulti Komunikasi dan Pengajian Mediaa UiTMKampus Rembau)

Mengetengahkan bakat kebolehan diri
Individu berkumpulan mewakili organisasi
Pelbagai acara tersusun rapi
Semangat kesukanan tersemat dihati

Sorakan teriakan kedengaran megah
Barisan atlet sukar disanggah
Perjuangan di gelanggang suatu wadah
Memastikan lawan tak menang mudah

Sokongan kritikan kedengaran bergema
Penyokong peserta tak kira nama
Komunikasi wujud berserta tema
Keindahan sukan semangat bersama

Tangis dan tawa mengikat hubungan
Tak mengenal pangkat, darjah dan peranan
Imej organisasi melalui sukan
Terbentuk diadun pengalaman pengalaman

Kekitaan terbina tanpa noktahnya
Kesihatan terpelihara organisasi berjaya
Suburkan interaksi jadikan budaya
Keemerlangan terpahat warga berdaga

Objektif tereapai anugerah tersemat
Molahirkan atlet mengakir amanat
Warga kerja terjalin erat
Sukan dan silaturrahim membawa manfaat